


Rezeki hobi mengait



Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@
bh.com.my

► Serdang

Hobi mengait sejak zaman persekolahan bersama-sama ibu tersayang akhirnya membuahkan rezeki perniagaan kepada Noreen Natasha Mohd Zawawi, 21, selepas hasil tangannya itu mendapat sambutan daripada rakan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Lebih mengembirakan, produk mahasiswa Bachelo Sains Komputer itu turut laris dalam

Beanie comel yang menarik minat golongan ibu.



seperti topi, baju dan kasut.

Seperti peniaga muda lain, anak ketiga daripada lima beradik itu tidak ketinggalan mempromosikan perniagaannya secara

dalam talian melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram, selain membuka gerai pada karnival jualan anjuran UPM.

Biarpun keuntungan diraih bersandarkan tempahan semata-mata, Noreen Natasha bersyukur kerana ia sedikit sebanyak membantu perbelanjaan harian di UPM, di samping dapat meringankan beban ibu bapanya.

tara produk kait dihasilkan ialah 'booties' (but bayi), 'beanie' (topi), selimut, pelindung telefon bimbit dan komputer tablet serta mafla yang dijual pada harga antara RM25 hingga RM120.

Pelanggan berpuas hati


"Kebanyakan pelanggan akan memilih jenis benang dan warna yang mereka minati apabila membuat tempahan, manakala aspek hiasan pula diserahkan kepada saya.

"Selain produk kait, saya



Antara produk hasil kreativiti Noreen Natasha.

kalangan golongan ibu kerana banyak menghasilkan barangan bayi



Tempahan musim Aidilfitri

“Lebih banyak tempahan diterima menjelang musim Aidilfitri lalu berbanding hari biasa. Jika tiada tempahan, saya akan memberi tumpuan kepada pengajian atau menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah.

“Saya akan menyiapkan tempahan pelanggan pada Sabtu dan Ahad saja. Ketika cuti semester, saya mengait setiap hari serta mengambil lebih banyak tempahan,” katanya ketika ditemui di UPM di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, an-

juga menerima tempahan membuat goodies perkahwinan dan hamper raya,” katanya sambil mengakui menerima maklum balas amat positif daripada pelanggan yang berpuas hati dengan hasil kreativiti beliau.

Noreen
Natasha



Booties hasil tangan Noreen Natasha.

berkata, pendedahan dan bimbingan diperoleh daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM menerusi Bengkel Lab Minda Keusahawanan banyak membantu kelancaran perniagaannya.

“Selain menyediakan tapak niaga pada kadar sewa berpatutan, CEM turut menawarkan khidmat nasihat dan kursus keusahawanan kepada pelajar yang berminat dalam bidang perniagaan,” katanya.

INFO

Produk kait bayi:

- Booties (kasut) - RM28, RM33, RM38
- Beanie (topi) - RM30, RM35, RM40
- Selimut - RM75, RM90, RM120

Aksesori:

- Pelindung telefon bimbit - RM25
- Pelindung komputer tablet - RM45

Produk kait untuk dewasa:

- Beanie - RM45
- Mafla - RM75